



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN TERENGGANU

PEKELILING TIMBALAN REKTOR AKADEMIK

Bilangan 7 Tahun 2018

PENGURUSAN HAL EHWAL PEPERIKSAAN AKHIR DISEMBER 2018 – JANUARI 2019

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memberi pemakluman dan peringatan kepada semua pensyarah berhubung hal ehwal peperiksaan seperti penyerahan markah penilaian berterusan, *rawscore* dan senarai validasi, mesyuarat peperiksaan Pra JAN serta tarikh-tarikh penting aktiviti peperiksaan akhir.

LATAR BELAKANG

1. **Pencapaian penilaian berterusan mesti dimaklumkan kepada pelajar** untuk tujuan penambahbaikan prestasi dimana ianya boleh dijadikan panduan kepada mereka dalam usaha meningkatkan pencapaian di dalam peperiksaan akhir.
2. “Penilaian” merujuk kepada pengukuran terhadap pencapaian pelajar sama ada dalam bentuk ujian bertulis, kerja-kerja makmal, bengkel, studio, medan, teknikal, projek, latihan ilmiah, latihan amali, latihan industri, praktikum, klinikal dan sebagainya (Glosari Istilah Peperiksaan dan Penilaian Pelajar UiTM, 2013).
3. Tarikh-tarikh penting aktiviti peperiksaan akhir adalah merujuk kepada Jadual Aktiviti Pengurusan Akademik yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik sebagai garis panduan dan tindakan para pensyarah dan pentadbir HEA.

